



## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : KONGRES PENDIDIKAN BUMIPUTERA: KERAJAAN DISARAN WUJUD AKTA PANTAU KUALITI TVET

SUMBER : BERNAMA - 1 MEI 2026

### Kongres Pendidikan Bumiputera: Kerajaan Disaran Wujud Akta Pantau Kualiti TVET

01/05/2026 01:56 PM



Pengerusi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Profesor Emeritus Datuk Seri Dr Zaini Ujang (tengah) bercakap pada Sesi Utama 'Menilai Dasar-Dasar Pendidikan Bumiputera' pada Majlis Kongres Pendidikan Bumiputera sempena Sambutan Ulang Tahun UMNO ke-80 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur hari ini.

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Kerajaan disarankan supaya menggubal Akta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang khusus, bagi memantau dan menyelaraskan kualiti sistem pendidikan itu secara lebih sistematik dan berkesan.

Pengerusi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zaini Ujang berkata penggubalan akta berkenaan, mampu memberi anjakan sistem yang besar bagi memperkasakan pelaksanaan TVET di negara ini.

"Kalaupun kita ada akta yang khas, secara tidak langsung kita akan monitor (TVET). Ini akan jadi *big shift* yang akan berlaku dari segi sistem," katanya ketika membentangkan kertas kerja pada Kongres Pendidikan Bumiputera 2026 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini hari ini.

Zaini berkata keperluan terhadap pengukuhan sistem itu amat kritikal, memandangkan kualiti graduan teknikal Malaysia kini sudah mula mendapat pengiktirafan tinggi dan menjadi rebutan pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata tinjuannya ke 15 buah negara tahun lepas, membuktikan bahawa graduan TVET negara mempunyai kelebihan untuk menembusi pasaran kerja di negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan.



## **TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

### **Perkara : TVET**

---

**TAJUK ARTIKEL : KONGRES PENDIDIKAN BUMIPUTERA: KERAJAAN DISARAN WUJUD AKTA PANTAU KUALITI TVET**

**SUMBER : BERNAMA - 1 MEI 2026**

Selain sektor teknikal, Zaini berkata graduan perubatan tempatan turut membuktikan kehebatan sistem pendidikan negara, apabila diberikan ruang berkhidmat di hospital-hospital di United Kingdom serta Australia.

Beliau berkata pengiktirafan global ini, menjadi bukti bahawa kualiti pendidikan Malaysia kini setanding dengan negara-negara maju, sekali gus menuntut perubahan paradigma dan institusi yang lebih progresif melalui pengukuhan perundangan.

-- BERNAMA

---

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).*